

Newspaper	Berita Harian
Date	9/7/2011

Berjayakah BERSIH capai matlamat?

Penganjur perhimpunan haram tak hormati kehendak rakyat



HARI ini, rakyat jelata seluruh negara termasuk wartawan dan media antarabangsa memberi tumpuan kepada perhimpunan haram kedua yang dianjurkan oleh Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar.

Sehingga semalam, semua tanda menunjukkan bahawa penganjurnya belum mendapat permit untuk berkumpul beramai-ramai dan mengadakan perhimpunan, namun mereka tetap berdegil dan tidak menghormati arahan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Mungkinkah sejarah hitam perhimpunan haram berulang hari ini dan mengakibatkan kemusnahan harta benda awam dan kerugian besar kepada warga kota seperti yang pernah berlaku pada 2007?

Pengerusinya, Datuk Ambiga Sreenevasan tetap berdegil meneruskan perhimpunan haram itu di Stadium Merdeka dengan menggunakan salah sebuah persatuan di bawah gabungannya untuk mendapatkan permit polis. Alasannya, masa sudah suntuk untuk mereka menukar lokasi seperti yang ditawarkan polis, di samping kesulitan yang dihadapi penyokong sekiranya ia dibuat di tempat lain.

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) membatalkan perhimpunan mereka yang dicadangkan di Stadium Titiwangsa, sementara Pergerakan Pemuda UMNO menyatakan mereka akan berarak ke Stadium Merdeka sekiranya BERSIH meneruskan perhimpunan berkenaan.

Beberapa pemimpin pembangkang yang dilarang masuk ke bandar raya Kuala Lumpur juga dilaporkan oleh portal berita online,



PERHIMPUNAN haram lebih banyak membawa kerosakan harta awam dan menimbulkan huru-hara.

mereka akan hadir pada perhimpunan haram yang dianjurkan itu. Antara yang tersenarai ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Lim Kit Siang, Khairy Jamaluddin dan Datuk Ibrahim Ali.

Kira-kira 66 daripada mereka ialah ahli BERSIH, 14 daripada PERKASA dan 11 daripada Pemuda UMNO. Antara lokasi panas ialah sekitar Dataran Merdeka, Masjid Jamek Kampung Baru, Masjid Jamek Jalan Tun Perak, pusat beli-belah Sogo, Maju Junction, Istana Negara, Pasar Seni dan KLCC.

Risikonya semua pihak menjadi susah - pejabat ditutup, pengangkutan awam terhenti, perniagaan merosot, kompleks beli-belah langgang dan orang ramai terkeliru. Suasana aman damai pada hujung minggu berubah menjadi tegang dan kecoh.

Sebarang perancangan ibu bapa untuk membawa ahli keluarga bersiar-siar terpaksa ditangguhkan. Jalan keluar-masuk ke ibu kota ditutup, dikawal dan diperiksa oleh anggota keselamatan. Hentian bas ekspres diubah jauh dari tempat asal.

Kebebasan apakah ini dan ada-

kah ini yang dikehendaki penyokong BERSIH? Di mana keadilan untuk rakyat jelata yang cintakan keamanan kerana kumpulan itu hanya memikirkan soal diri mereka saja. Soal orang lain, bereskan sendiri. Apa yang penting ialah mengadakan perhimpunan, kalau bernasib baik kena tahan, lebih tinggi rating kerana dalam istilah politik pembangkang, sesiapa yang kena 'tangkap' dianggap hebat dan diraikan.

Justeru, tidak hairanlah ada dalam kalangan pemimpin utama pembangkang yang disekat daripada memasuki ibu kota berkeras juga untuk masuk. Dengan sedikit kekecohan dan liputan media, terutama media Barat, perjuangan politiknya menjadi lebih dikagumi. Kalau berlaku pergelutan lagi bagus kerana itulah yang dicari.

Tetapi mereka silap kalau menyangka semua rakyat berpandangan sedemikian. Ramai lagi rakyat ingin terus bergerak bebas pada hujung minggu tanpa digangu-gugat dengan sekatan jalan raya disebabkan demonstrasi.

Bagi rakyat golongan ini, demonstrasi terbabit ditonton menerusi kaca televisyen. Perbuatan

mereka lebih membuatkan golongan yang tidak menyokong kerana mereka menyampah, marah dan bertambah benci.

Justeru, adalah wajar kita jauhkan diri daripada perhimpunan haram ini. Jangan membiarkan diri kita dipermainkan oleh mereka seperti mana Ambiga membenarkan dirinya diperalatkan PAS, DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Rakyat sudah melalui detik hitam ini ketika perhimpunan haram BERSIH pertama pada 2007. Keadaan dulu tidak sama seperti sekarang. Pilihan raya umum 2008 mengubah segala-galanya. Jika pembangkang berasakan mereka mempunyai peluang lebih baik pada pilihan raya umum akan datang dengan mengadakan bantahan dan demonstrasi, pihak kerajaan pun lebih bersedia.

Hakikatnya, ramai yang membantah perhimpunan haram itu dan ia bukanlah kuasa yang boleh diketepikan begitu saja.

Andainya pertubuhan haram BERSIH berhasrat menyampaikan memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin berhubung ketidaktelusan proses pilihan raya umum, kenapa tidak diserahkan saja ketika mereka menghadap Seri Paduka di Istana Negara Selasa lalu?

Jelas bahawa bagi mereka, yang lebih diutamakan ialah perhimpunan haram. Soal memorandum sudah menjadi perkara kedua. Ini disahkan oleh salah seorang anggota BERSIH, Zaid Kamaruddin, Ahli Jawatankuasa Induk Jemaah Islam Malaysia (JIM) yang dilaporkan sebagai berkata BERSIH tidak menyerahkan memorandum itu kepada Seri Paduka kerana ingin terlebih dulu mengadakan perhimpunan haram.

Di sini dapat kita lihat sejauh mana kejujuran BERSIH dalam perjuangannya - hendak bersuara mengenai pilihan raya atau membenarkan dirinya digunakan oleh pihak lain untuk memperjuangkan politik mereka.